

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

22 FEBRUARI 2023

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah DiRaja semasa pembukaan dewan tempoh hari dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

1. **YB Ayer Hitam, YB Kuala Terengganu dan YB Gopeng** telah membangkitkan tentang hala tuju pembangunan EV, termasuk pembangunan rangkaian pengecas dan status pelaburan ekosistem dan penggunaan EV mampu milik.

2. Di bawah Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020), halatuju industri automotif tempatan telah ditetapkan untuk dibangunkan dan dikembangkan sebagai hab automotif serantau bagi Kenderaan Cekap Tenaga (*Energy Efficient Vehicle* - EEV) termasuk EV dengan ciri-ciri *Next Generation Vehicle* (NxGV), yang berfungsi bukan sahaja dari segi pengurangan dalam pelepasan karbon di dalam udara tetapi juga keupayaan dalam mengoptimumkan tenaga yang digunakan.

3. Sepertimana dimaklumkan kepada Jemaah Menteri pada 17 Februari 2023, Pasukan Petugas EV Kebangsaan (*National EV Task Force* – NEVTF) bertanggungjawab untuk menilai dasar semasa, memantau pelaksanaan program dan inisiatif serta merangka dasar dan inisiatif baharu berkaitan pembangunan industri kenderaan elektrik (EV) dalam negara secara menyeluruh.

4. NEVTF yang diketuai MITI telah ditubuhkan sejak November 2020 untuk memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik serta penambahan infrastruktur pengecasan EV di seluruh Malaysia. Beberapa keputusan dasar dan inisiatif telah ditetapkan atau dilaksanakan termasuk:

- (i) Penawaran pakej insentif cukai sepertimana telah diumumkan di dalam Belanjawan 2022. Insentif

tambahan juga telah dicadangkan untuk Belanjawan 2023;

- (ii) Cadangan penggunaan EV termasuk hibrid sebagai kenderaan jabatan dan kenderaan rasmi jawatan sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan; dan
- (iii) Penyediaan satu kerangka strategi bagi pembangunan dan perancangan infrastruktur pengecasan EV secara menyeluruh di Malaysia.

5. NEVTF juga memainkan peranan penting dalam menyelaraskan inisiatif dan dasar semasa Kerajaan supaya kesemua Kementerian lain dan agensi Kerajaan yang terlibat mempunyai pemahaman yang sama dan berupaya membentuk sinergi kerjasama yang padu dalam menjayakan inisiatif-inisiatif yang merentasi skop dan bidang kuasa masing-masing (*whole of Government*).

6. Berdasarkan portfolio dan kepakaran masing-masing, tumpuan bagi kementerian-kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) MITI menyelaras pembangunan ekosistem industri EV dan dibantu oleh Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) terutamanya dari aspek pembangunan kapasiti;
- (ii) Kementerian Kewangan melaksanakan perolehan EV sebagai kenderaan jabatan dan kenderaan rasmi jawatan;
- (iii) *Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) memberi tumpuan kepada pembangunan pengecasan EV dan seumpamanya;
- (iv) MARii dan Jabatan Standard Malaysia bertanggungjawab membangunkan standard berkaitan EV dan ekosistemnya;
- (v) MIDA berperanan menarik pelaburan industri EV dan ekosistemnya;
- (vi) TNB membantu menyediakan bekalan tenaga elektrik yang stabil untuk pembangunan pengecasan EV;
- (vii) Suruhanjaya Tenaga (ST) mengawal selia pengendali pengecasan EV; dan
- (viii) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui NanoMalaysia bertindak sebagai peneraju pembangunan teknologi EV.

7. Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLANMalaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) juga sedang berkerjasama dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit

berkaitan prosedur dan tempoh kelulusan pembangunan pengecasan EV. Penambahbaikan prosedur semasa bagi kelulusan pemasangan sistem pengecasan EV (*Electric Vehicle Charging System – EVCS*) dijangka dapat mengurangkan tempoh masa pemrosesan kelulusan pemasangan.

8. Kesan daripada inisiatif-inisiatif daripada NEVTF ini dapat dilihat dengan peningkatan yang ketara dalam permintaan terhadap EV. Jumlah permintaan terhadap EV (kategori kenderaan bateri elektrik sepenuhnya) telah melonjak kepada lebih 3,400 unit pada 2022 berbanding 300 unit secara purata pada tahun-tahun sebelumnya.

9. Usaha untuk menarik pelabur untuk memasang infrastruktur pengecas juga berkesan, di mana jumlah stesen pengecasan meningkat pada kadar 69% pada 2022 berbanding pada 2021, menjadikan jumlah stesen pengecasan mencecah 900 unit pada ketika ini dalam memenuhi sasaran sebanyak 10,000 unit di seluruh negara menjelang tahun 2025 seperti di dalam *Low Carbon Mobility Blueprint* (LCMB).

10. Dari segi pelaburan, jumlah yang diluluskan dalam ekosistem EV dari tahun 2018 sehingga September 2022 adalah bernilai RM14.7 bilion merangkumi pemasangan kenderaan, komponen EV

dan komponen pengecasan. Antara syarikat yang telah diluluskan ialah Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd. yang mencatatkan kejayaan baharu dalam pembukaan kemudahan pembuatan sel bateri EV dengan nilai pelaburan sebanyak RM7 bilion. Syarikat tersebut telah memilih Malaysia sebagai lokasi pengeluaran pertamanya di Asia Tenggara.

11. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dan yang baharu di masa hadapan dijangka dapat meningkatkan lagi penggunaan dan permintaan EV serta menarik pelaburan ekosistem EV bagi merealisasikan sasaran Malaysia untuk mencapai status negara neutral karbon menjelang tahun 2050 seperti yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

12. Di samping itu, MITI juga sedang berbincang dengan syarikat pengeluar tempatan PROTON dan PERODUA untuk mempercepatkan pengeluaran kenderaan elektrik nasional dan menawarkan pilihan kenderaan EV yang mampu milik. Garis panduan semasa permit import atau AP turut ditambahbaik dengan memberikan fleksibiliti ke atas kuantiti maksimum pengimportan kenderaan secara *Completely Built Up* (CBU) bagi kajian pasaran pra-pemasangan (*Market Research Pre-Assembly - MRA*) untuk EV supaya syarikat-syarikat pemasangan tempatan lebih berpeluang menilai keperluan pasaran baharu untuk segmen EV sebelum

memulakan pengeluaran. Langkah penambahbaikan ini juga akan memberi lebih pilihan EV untuk ditawarkan dalam pasaran kepada rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua,

13. YB Ayer Hitam, YB Kuala Selangor, YB Bayan Baru dan YB Petaling Jaya membangkitkan tentang hala tuju MITI bagi mendepani tahun 2023 dalam aspek meningkatkan pelaburan strategik, penjanaaan peluang pekerjaan dan pembangunan kluster perindustrian baharu.

14. MITI telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar pelaburan, pembangunan perindustrian serta perdagangan luar negara, sekaligus memastikan ekonomi negara terus berkembang dan kekal kompetitif di peringkat serantau dan global. Dalam hal ini, MITI juga memainkan peranan penting sebagai sebahagian daripada *engine of growth* negara.

15. Dalam mendepani cabaran ketidaktentuan ekonomi yang dihadapi negara, MITI telah memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations - NIA) yang telah dilancarkan pada

6 Oktober 2022. Dasar ini akan mempercepat pertumbuhan jangka panjang Malaysia melalui pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu. Pembaharuan ini melibatkan lima (5) teras utama, iaitu, meningkatkan *economic complexity*; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rantaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman (*inclusivity*). NIA akan memberi fokus kepada sektor yang mempunyai potensi ekonomi yang signifikan dan lestari dalam jangka masa panjang, dengan penekanan yang lebih terhadap elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

16. Bagi tempoh Januari sehingga September 2022, Malaysia telah menarik sejumlah RM193.7 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan dan sektor utama yang melibatkan 2,786 projek dan dijangka mewujudkan 98,414 peluang pekerjaan di negara ini.

17. Secara umumnya, projek-projek yang diluluskan akan mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan untuk dilaksanakan. Selepas tempoh tersebut, lebih banyak peluang pekerjaan dijangka akan wujud bagi rakyat dan khususnya kepada golongan belia.

18. Kerajaan yakin bahawa peningkatan ekonomi bagi sesebuah negeri dapat direalisasikan melalui kemasukan pelabur-pelabur asing dengan mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa mempergiatkan usaha untuk meningkatkan aliran pelaburan ke dalam negara sekaligus memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.

19. MITI mengambil langkah-langkah berikut untuk menarik dan mempergiatkan aktiviti penggalakan pelaburan bagi memastikan kedudukan Malaysia kekal kompetitif termasuk memudahcara urusan pelabur melalui pengenalan inisiatif dan fasilitasi pelaburan yang berkesan.